

aab

Mahathir - Rasuah

POLITIK WANG, RASUAH AKAN HANCURKAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat tentang bahaya politik wang dan rasuah dan menegaskan bahawa gejala itu akan menghancurkan negara dan kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri berkata gejala itu akan turut menghapuskan segala kejayaan ekonomi yang dibina Malaysia termasuk kejayaan membangunkan ekonomi orang Melayu dan kaum Bumiputera.

Ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Agung Khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata sekiranya gejala itu berterusan dan tidak dikawal, besar kemungkinan Malaysia akan "dijajah semula, dihina dan ditindas".

"Segala nikmat dan kemakmuran yang dinikmati sekarang akan hilang dan orang Melayu serta Bumiputera lain akan kembali menjadi bangsa yang hina, ditindas dan dipermainkan," katanya.

Perhimpunan khas sehari yang dihadiri 1,761 anggota perwakilan itu diadakan bagi membincangkan isu politik wang dan meminda Perlembagaan parti untuk membendukannya.

Sambil menegaskan peri pentingnya perhimpunan itu, Presiden Umno itu berkata: "Maju mundurnya Umno, orang Melayu dan Bumiputera lain dan negara Malaysia, bergantung pada keputusan dan penqamalannya yang menyusul Perhimpunan Agung Khas kita ini." -- laqi.

▼19/06/10-28MST

CNS0372

U PB 19-06 00179 BA049

aab

Mahathir - Rasuah 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata: "Jika kita terima politik wang dalam parti, jika rasuah menjadi budaya bagi parti Umno, jika pemimpin-pemimpin kita mendapat tempat melalui sogokan, kita akan memperolehi kerajaan yang dipenuhi, dianggotai dan dipimpin oleh penjenayah rasuah.

"Bolehkah kita percaya pemimpin-pemimpin seperti ini akan dapat memerintah dengan bijak, lurus, jujur dan adil? Bolehkah kita yakin orang Melayu dan bumiputera lain tidak akan dijual oleh pemimpin-pemimpin yang kita pilih?" tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata hanya mereka yang tidak siaman saja yang akan percaya pemerintahan oleh penjenayah rasuah akan membawa kebahagiaan kepada negara dan rakyat.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa peluang Umno untuk terus memerintah parti dan bangsa Melayu dihormati dunia serta kejayaan wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 bergantung pada pembasmian politik wang dalam Umno.

"Saya harap kita bukan sahaja akan meluluskan pindaan Perlembagaan pada hari ini tetapi juga kita akan dengan ikhlas berikrar patuh kepadanya, akan mengamalkan nilai-nilai mulia dan akan menjayakan penkuatkuasaan undang-undang," kata beliau. -- laqi.

▼19/06/10-52MST

U PB 19-06 00129 BA052

aab

Mahathir - Rasuah 3 Kuala Lumpur

Dalam ucapan selama 40 minit itu, Dr Mahathir turut menyenaraikan pelbagai akibat daripada gejala penyogokan rasuah dan masyarakat berbudaya rasuah, yang akhirnya menyebabkan masyarakat itu tidak mungkin dapat dimajukan.

Menurut Perdana Menteri, gejala rasuah amat mudah berjangkit dan boleh menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat sekiranya tiada usaha qiqih dibuat untuk membendungnya.

"Apabila ia sudah menjadi budaya, ia tidak boleh dihapuskan lagi," katanya.

Ini kerana semua tempat mengadu dan mereka yang ditugaskan untuk membanteras rasuah akan terdiri daripada penqamal rasuah secara terbuka, kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, mungkin ada yang benar-benar tidak mahu menerima sogokan tetapi mereka menjadi mangsa kepada masyarakat berbudaya rasuah termasuk dilempar pelbagai tuduhan dan fitnah. -- Lagi.

▼19/06/11-22MST

CNS0396

R PB 19-06 00095 BA060

bah

Mahathir - Rasuah 4 Kuala Lumpur

Baqaimanapun, Dr Mahathir mengakui bahawa untuk menghapuskan sama sekali bukannya senang.

"Saya sedar bahawa dengan berkhuthbah sahaja tidak akan menghasilkan masyarakat yang mulia," katanya.

Pada zaman ini ramai yang suka mempertahankan penjenayah dan perbuatan-perbuatan yang salah, kata beliau.

Mengenai masalah politik wang dalam Umno, Dr Mahathir berkata gejala itu menjadi-jadi kerana Umno berkuasa dan "kuasa boleh membawa rasuah."

"Power corrupts, and absolute power corrupts absolutely. Kuasa yang mutlak membawa rasuah yang tidak terbatas," katanya. -- Lagi.

▼19/06/12-12MST

CNS0397

R PB 19-06 00106 BA061

bah

Mahathir - Rasuah 5 (akhir) Kuala Lumpur

Presiden Umno itu berkata kombinasi kemewahan wang ringgit orang Melayu dan Bumiputera dengan kuasa yang mereka miliki sekarang membentuk moral yang semakin merosot sekarang.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat khususnya anggota Umno supaya menggunakan sistem demokrasi dengan bijak dan tidak dipengaruhi oleh amalan pembelian undi.

"Melalui undi kita boleh menentukan nasib kita dan nasib negara kita. Undi merupakan modal besar untuk mereka yang tidak mempunyai apa-apa kekayaan.

"Ja menyamakan yang miskin dengan yang kaya dan yang lemah dengan yang kuat," kata Perdana Menteri. -- Bernama

AZG NMO

▼19/06/12-12MST